



قجابت قیمثن موهور بئر راجا

PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA,
482, JALAN BUKIT PETALING,
50682 KUALA LUMPUR



Tel. : 03-21424947 / 03-21417270 / Faks : 03-21422080

Laman Sesawang : www.majlisraja-raja.gov.my / Emel : urusetia@majlisraja-raja.gov.my

SEGERA

Rujukan Kami : MRR(S) 640-262/(87)
Tarikh : 26 Oktober 2023

Ke Majlis,
En. Suhaimi bin Sulaiman,
Ketua Pengarah Penyiaran,
Radio TV Malaysia,
Angkasapuri,
50614 KUALA LUMPUR

Puan Nur-ul Afida Kamaludin
Ketua Pengarang,
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA),
28 Jalan 1/65A, Off Jalan Tun Razak,
50400 KUALA LUMPUR

YBhg. Dato' Sivabalan A/L Ethirmanasingham
Pengarah,
Bahagian Media dan Komunikasi Korporat,
Aras 10, Kompleks Kementerian Komunikasi dan
Multimedia Malaysia,
No. 49, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA

YBhg. Dato'/Puan,

KENYATAAN AKHBAR YANG DIKELUARKAN OLEH PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA MENGENAI MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA YANG KE-262

... Saya dengan hormatnya menyampaikan bersama-sama ini satu salinan
Kenyataan Akhbar mengenai Mesyuarat Majlis Raja-raja Yang Ke-262 oleh
Penyimpan Mohor Besar Raja-raja untuk disiarkan dalam akhbar dan media cetak
serta radio dan televisyen.

2. Sekian, disampaikan dan saya sudahi dengan ucapan terima kasih serta
salam hormat jua.

Saya yang ikhlas,

(SYED DANIAL)
PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

☎ 03-9224 5244

✉ su@majlisraja-raja.gov.my

**KENYATAAN YANG DIKELUARKAN OLEH
PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA
BERKENAAN DENGAN MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA YANG KE-262**

Mesyuarat Majlis Raja-raja Yang Ke-262 telah diadakan di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 25 dan 26 Oktober 2023 dan telah dipengerusikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

2. Pada hari pertama Mesyuarat, semua Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah berangkat hadir termasuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanul Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah manakala Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis diwakili oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (Raja Muda Perlis), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan diwakili oleh Yang Teramat Mulia Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ismail Petra (Tengku Mahkota Kelantan) serta Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, diwakili oleh YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nasar.

3. Pada hari ini (Hari Yang Kedua), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI turut berangkat hadir di Mesyuarat Majlis diiringi oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.

4. Majlis telah disempahakan taklimat terkini mengenai keselamatan Negara oleh YBhg. Tan Sri Razarudin bin Husain @ Abd Rasid (Ketua Polis Negara) dan mengenai pertahanan Negara oleh YBhg. Jen. Tan Sri Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman (Panglima Angkatan Tentera). Selain itu, YB Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, turut hadir menyempahakan taklimat mengenai *New Master Industrial Plan 2023*.

5. Perkara mengenai pelantikan-pelantikan telah pun dibincangkan dalam Mesyuarat tersebut, iaitu pelantikan Hakim-hakim Mahkamah Atasan, Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) termasuk beberapa perkara menyentuh Perlembagaan Persekutuan, iaitu Cadangan Pindaan Bahagian III berhubung Kewarganegaraan termasuk juga mengenai Cadangan RUU Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing. Perkara-perkara melibatkan Agama Islam turut dibincangkan, termasuk Penggunaan Kalimah Allah dan beberapa perkara serta pelantikan melibatkan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI).

6. Memandangkan bahawa Mesyuarat Majlis Raja-raja Yang Ke-262 adalah yang terakhir dihadiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Baginda telah mengambil kesempatan menzahirkan titah seperti
... di Lampiran A, seraya disahuti titah balas oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor
... selaku Raja Yang Mampengerusikan Mesyuarat *vide* Lampiran B.

Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja,
KUALA LUMPUR

26 Oktober 2023 / 11 Rabiulakhir 1445





A handwritten signature in black ink, appearing to be 'M. A. L.', located to the right of the coat of arms.

TITAH PERUTUSAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI
DALAM
MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA KE-262
(HARI KEDUA)
KHAMIS, 27 OKTOBER 2019

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

DULI YANG MAHA MULIA Pengerusi Mesyuarat.

DULI YANG MAHA MULIA Raja-Raja; dan Wakil Raja.

TUAN YANG TERUTAMA Yang Di-Pertua Negeri.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri; Menteri Besar; dan Ketua Menteri.



SETTINGGI-TINGGI UCAPAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA DULI YANG MAHA MULIA YANG MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT; DI ATAS LIMPAH PERKENAN KEPADA PADUKA ADINDA UNTUK MENYAMPAI-KAN SEPATAH DUA KATA.

ALHAMDULILLAH. DENGAN KEKUASAAN; DAN KEIZINAN ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA; PADUKA ADINDA AKAN MENAMATKAN PEMERINTAHAN SEBAGAI YANG DI-PERTUAN AGONG KE-16 PADA HARI SELASA; 30 JANUARI 2024; SETELAH BERSEMAYAM DI ATAS TAKHTA KERAJAAN MALAYSIA SELAMA 5 TAHUN; BERMULA DARI 31 JANUARI 2019.

PADUKA ADINDA AMAT MENJUNJUNG TINGGI DI ATAS LIMPAH PERKENAN DULI YANG MAHA MULIA RAJA-RAJA MELAYU UNTUK MEMILIH; DAN MELANTIK PADUKA ADINDA UNTUK MENGGALAS AMANAH SEBAGAI YANG DI-PERTUAN AGONG YANG KE-16.



SEPANJANG BERSEMAYAM DI ATAS TAKHTA KERAJAAN MALAYSIA; PADUKA ADINDA TELAH MENEMPUH PELBAGAI PERISTIWA DAN BADAI GELORA; TERMASUK KEMELUT POLITIK YANG MELANDA TANAH AIR.

TERPAHAT DALAM LIPATAN SEJARAH NEGARA; BAHAWA PADUKA ADINDA ADALAH MERUPAKAN SATU-SATU NYA YANG DI-PERTUAN AGONG YANG TELAH DI BERI KEAFIATAN UNTUK MEMERINTAH NEGARA DENGAN 4 ORANG PERDANA MENTERI; BERSAMA 4 JEMAAH MENTERI YANG BERLAINAN.

BEGITU JUGA; SETELAH NEGARA MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM YANG KE-15; BUAT PERTAMA KALINYA DALAM SEJARAH DEMOKRASI MALAYSIA; NEGARA BERHADAPAN DENGAN SITUASI PARLIMEN TERGANTUNG.



DALAM APA JUGA SITUASI; PADUKA ADINDA TELAH MEMBERI RUANG KEPADA AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT UNTUK MENCAPAI SATU KESEPAKATAN ATAS PRINSIP PERPADUAN; DEMI UNTUK MASA HADAPAN NEGARA.

AKHIRNYA; TUGAS MELANTIK 3 ORANG PERDANA MENTERI DARI KALANGAN AHLI DEWAN RAKYAT TELAH PADUKA ADINDA SEMPURNAKAN SELARAS DENGAN KUASA BUDI BICARA YANG DIBERIKAN OLEH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.

TEMPOH PEMERINTAHAN PADUKA ADINDA JUGA TURUT DISELUBUNGI DENGAN PENULARAN PANDEMIK COVID-19 YANG TELAH MEMBERI KESAN KEPADA EKONOMI NEGARA DAN KELANGSUNGAN HIDUP RAKYAT JELATA; SEHINGGA PROKLAMASI DARURAT TERPAKSA DIISYTIHARKAN; DAN NEGARA PULA TERPAKSA MENEMPUH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN.



NAMUN DEMIKIAN; SAMA ADA KETIKA BERHADAPAN DENGAN KEMELUT POLITIK; ATAUPUN GELORA PANDEMIK COVID-19; DAN SEPANJANG PADUKA ADINDA MEMERINTAH NEGARA; PADUKA ADINDA SENTIASA MENJUNJUNG SUMPAAH YANG TELAH DILAFAZKAN; IAITU UNTUK MEMERINTAH NEGARA MALAYSIA YANG KITA CINTAI INI; DENGAN SECARA ADIL MENURUT PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.

DENGAN SEPENUH KETELUSAN HATI; PADUKA ADINDA JUGA AMAT BERSYUKUR; DAN BERTERIMA KASIH DI ATAS KESUDIAN DULI YANG MAHA MULIA RAJA-RAJA MELAYU BERANGKAT KE ISTANA NEGARA; UNTUK BERBINCANG; DAN BERSAMA BERGANDING BAHU DALAM MELONTAR BUAH PANDANGAN YANG BERNAS DEMI UNTUK MEMBANTU PADUKA ADINDA DALAM MENCAPAI JALAN PENYELESAIAN YANG TERBAIK BUAT NEGARA; DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT JELATA.



BERKAT DAULAT; DAN SOKONGAN DARIPADA DULI YANG MAHA MULIA RAJA-RAJA MELAYU; PELBAGAI PERISTIWA DAN DUGAAN YANG MELANDA NEGARA; TELAH DAPAT DI ATASI SEPANJANG TEMPOH 5 TAHUN YANG BERLALU.

PENGAKHIRANNYA; NEGARA YANG KITA CINTAI INI; SERTA RAKYAT JELATA TELAH DILINDUNGI DARI TERUS TERJERUMUS KE KANCAH YANG TIDAK MENENTU.

HAKIKATNYA; INSTITUSI YANG DI-PERTUAN AGONG BUKANLAH SEKADAR SIMBOLIK SEMATA-MATA.

INSTITUSI YANG DI-PERTUAN AGONG ADALAH PELINDUNG KEPADA AMALAN DEMOKRASI; TIANG SERI KEPADA KEAMANAN NEGARA; DAN NADI KEPADA PERPADUAN NEGARA.



IANYA MEMPUNYAI ROH; DAN SEMANGAT SEBAGAI INSTRUMEN SEMAK DAN IMBANG TERAKHIR NEGARA; YANG BERUPAYA MENGGUNAKAN BUDI BICARA UNTUK MENZAHIRKAN KATA PUTUS; TATKALA NEGARA MENEMUI JALAN BUNTU.

MANAKALA; PADA HEMAT PADUKA ADINDA; DULI YANG MAHA MULIA RAJA-RAJA MELAYU PULA SECARA KOLEKTIF ADALAH MERUPAKAN PAYUNG YANG MELINDUNGI RAKYAT JELATA; SERTA BENTENG KEPADA KEMAKMURAN; DAN KESEJAHTERAAN NEGARA.

KEKUATAN YANG MENGALIR DALAM TUBUH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG; ADALAH CERMINAN KEPADA DAULAT SEKALIAN DULI YANG MAHA MULIA RAJA-RAJA MELAYU.



PADA KESEMPATAN INI; PADUKA ADINDA TURUT INGIN MENZAHIRKAN UCAPAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA PADUKA KEKANDA TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK; DI ATAS KESUDIAN PADUKA KEKANDA MENJALANKAN TUGAS-TUGAS YANG DI-PERTUAN AGONG SEMASA KETIADAAN PADUKA ADINDA DI TANAH AIR; DAN SEMASA HAL KEADAAN BILA MANA PADUKA ADINDA TIDAK DAPAT MENJALANKAN TUGAS ATAS FAKTOR KESIHATAN.

SAYUGIA PADUKA ADINDA BERASA AMAT BERTUAH; DAN BERSYUKUR KERANA SETELAH 44 TAHUN SELAKU TENGGU MAHKOTA PAHANG; DAN 15 HARI SETELAH DIMASYHURKAN SEBAGAI SULTAN PAHANG; PADUKA ADINDA TELAH DILIMPAHI KEAFIATAN; SERTA DIANGKAT KEMULIAAN OLEH ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA UNTUK BERSEMAYAM DI ATAS TAKHTA KERAJAAN MALAYSIA.



PADUKA ADINDA BERDOA SERTA MENARUH HARAPAN;
SEMOGA DULI YANG MAHA MULIA RAJA-RAJA MELAYU BERASA
SUKACITA; SERTA MERESTUI PEMERINTAHAN PADUKA ADINDA
SEBAGAI YANG DI-PERTUAN AGONG YANG KE-16; DAN SEGALA
KHIDMAT BAKTI YANG TELAH PADUKA ADINDA; DAN PADUKA
ADINDA RAJA PERMAISURI AGONG CURAHKAN SEPANJANG
TEMPOH TERSEBUT.

SESUNGGUH-NYA; SEGALA YANG BAIK DATANGNYA DARI
ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA; DAN YANG BURUK ITU ADALAH
KEKHILAFAN PADUKA ADINDA JUA.

وبالله التوفيق والهداية

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

SEKIAN; DAN DIRGAHAYU MAJLIS RAJA-RAJA.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH

**PERUTUSAN RAJA Pengerusi
MESYUARAT MRR 262, DYMM SULTAN JOHOR
TERHADAP TITAH KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG KE-16
PADA HARI KHAMIS 26 OKTOBER 2023**

ASSALAMMUALAIKUM
WARAHMATULLAHHI WABARAKAATUH

Sebagai Pengerusi Mesyuarat, Majlis Raja-raja Yang Ke-262, Paduka Kekanda mewakili Yang Maha Mulia Raja-raja dan juga Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas kesudian Paduka Adinda, Yang di-Pertuan Agong melafazkan titah ucapan sebentar tadi sempena penyertaan terakhir keberangkatan Paduka Adinda di dalam mesyuarat Majlis Raja-raja ini sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-16.

Bagi pihak Majlis Raja-raja juga, Paduka Kekanda mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Paduka Adinda, Yang di-Pertuan Agong kerana telah memikul tanggungjawab sebagai Payung Negara dengan penuh amanah, bijaksana dan cukup sempurna.

Semasa pemerintahan Paduka Adinda, negara telah mengalami beberapa masalah yang sangat mencabar, khasnya Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia DAN pergolakan politik tanahair, sehingga melibatkan pelantikan 4 orang Perdana Menteri. Namun begitu, kesemua masalah tersebut telah berjaya diselesaikan, berkat kebijaksanaan Paduka Adinda berunding dengan para pemimpin politik SERTA dengan Yang Maha Mulia Raja-raja.

Kejayaan Paduka Adinda bukan sahaja dalam menyelesaikan kemelut politik, tetapi juga dalam menyantuni rakyat jelata. Kembara Borneo yang julung kali diadakan, telah berjaya mendekatkan hubungan raja dengan rakyat, dan meningkatkan kesetiaan rakyat kepada Raja dan Negara.

Akhir kata, Paduka Kekanda dan Ahli-ahli Majlis sekalian, berdo'a ke hadrat Allah S.W.T. agar dikurniakanNya kebahagiaan, keberkatan, dan rahmat yang berkekalan kepada Paduka Adinda dan keluarga.

Sekian, *WABILLAH* *TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM*
WARAHMATULLAH *WABARAKAATUH*.